

01/04/2002

Malaysia tiada niat jejas hubungan

Abdul Razak Raaff

PONTIAN, Ahad - Malaysia tidak pernah berniat menimbulkan sebarang kesulitan dan masalah dalam menjalin hubungan dan kerjasama dua hala dengan Singapura.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ini berikutan kedua-dua negara berjiran yang hanya dipisahkan Selat Tebrau mempunyai hubungan dan kerjasama jangka panjang.

Beliau berkata, kerjasama dua hala itu hendaklah dilihat dengan lebih menyeluruh, jika mahu mencapai penyelesaian yang akhirnya memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Justeru, katanya, masalah menangani sesuatu isu yang ditimbulkan membabitkan hubungan dua negara sukar diselesaikan jika tiada kesepakatan antara kedua-dua pihak.

Ini katanya, termasuk tindakan pemerintah Singapura yang terus menjalankan kerja menambak laut bagi membesarkan wilayahnya, walaupun menerima rungutan Malaysia yang bimbang ia menjejaskan laluan kapal dan alam sekitar di perairan Selat Tebrau.

"Malaysia sentiasa menyuarakan kerjasama tetapi untuk kerjasama dalam semua bidang... kita tidak boleh bertepuk sebelah tangan saja kerana takkan berbunyi dan ia mesti disambut.

"Kita tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan negara jiran yang berkongsi perairan dengan kita serta mempunyai sempadan yang kadang kala kita tengok begitu dekat dan susah untuk ditentukan.

"Bagaimanapun, masalah tidak akan timbul kalau ada semangat kerjasama yang terbuka, jujur dan ikhlas antara kedua-dua negara (Malaysia-Singapura)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) Negeri Johor ke 42 dan Bengkel Pemantapan Pentadbiran MAYC, di Rumah Umno, di sini, hari ini.

Syed Hamid yang juga Presiden MAYC Kebangsaan berkata, Malaysia tidak mempunyai masalah dalam menjalankan kerjasama dengan Singapura kerana ia sememangnya menjadi amalan dan pegangan kerajaan negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini membidas Singapura kerana keengganan republik itu bertolak ansur dengan terus menambak lautnya di Selat Tebrau hingga menjejaskan perairan yang dikongsi dengan Malaysia.

Beliau berkata, Singapura perlu mempunyai semangat timbang rasa dengan jirannya termasuk menilai permintaan Malaysia supaya menghentikan kerja penambakan laut.

"Kita tidak mahu hanya kita saja yang bertimbang rasa dan kita minta mereka juga hendaklah mempunyai semangat kerjasama seperti negara kita," katanya.

Ditanya mengenai bekalan air ke Singapura, Syed Hamid berkata Malaysia masih menunggu jawapan Singapura dalam penentuan kadar air baru yang akan dibekalkan kepada negara jiran itu.

"Setakat ini Malaysia sudah mengemukakan cadangan harga air baru itu kepada Singapura. Mereka kata mereka perlu masa untuk mengkaji keseluruhan pakej, dan jika mereka kata mereka mahu selesaikannya hari ini, kita boleh," katanya.

Ketika ini Johor membekalkan 214 juta liter air mentah kepada Singapura dan membeli balik 35 juta liter air yang sudah dirawat dari republik itu.

Bekalan itu berdasarkan Perjanjian Air Sungai Johor 1961 dan 1962.
Perjanjian pada 1961 tamat pada 2011 manakala perjanjian kedua akan tamat
pada 2061.

(END)